

03/03/1997

Melayu mampu kuasai IT

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyuarakan keyakinan terhadap kebolehan orang Melayu menguasai teknologi maklumat (IT).

Menurut beliau, ini hanya boleh berlaku jika orang Melayu ada kemahuan dan kesungguhan serta mengetepikan anggapan bahawa mereka tidak boleh melakukannya.

Pada dasarnya, sudah ramai anak Melayu yang berpendidikan tinggi dalam bidang teknologi maklumat. Ini menunjukkan anggapan bahawa orang Melayu lembap dan lambat apabila berhadapan dengan teknologi adalah salah. Masalah kita sekarang ialah pemikiran kita masih lagi dibelenggu pemikiran kolot mengenai keupayaan orang Melayu sendiri.

Saranan yang diutarakan Perdana Menteri haruslah dipandang serius oleh setiap orang. Sewajarnya kemampuan kita diukur berdasarkan kebolehan yang dimiliki bukannya berdasarkan tanggapan orang ramai.

Sikap sebegini hanya menjuruskan kita ke arah unsur negatif dalam usaha pembangunan negara.

Tentu ramai yang berpendapat bukannya mudah untuk kita mengejar kemajuan sebagaimana yang dicapai oleh negara maju. Maka usaha yang harus digembleng memerlukan iltizam serta daya juang tinggi. Tanpa sikap sedemikian rupa, laluan untuk kita berjaya adalah sukar.

Dalam memastikan kejayaan boleh dicapai menjelang 2020, kita memerlukan kepakaran asing dalam membina industri teknologi maklumat. Ini secara tidak langsung dapat mempercepatkan proses pembangunan teknologi maklumat. Justeru itu pelaksanaan projek usaha sama dengan negara yang mempunyai kepakaran teknologi tinggi patut digalakkan.

Contoh yang terbaik ialah Jepun dan Taiwan yang mempunyai kepakaran tinggi dalam bidang itu, walaupun negara berkenaan dikira lambat memulakan persaingan jika dibandingkan negara maju seperti Amerika Syarikat dan Eropah.

Bagaimanapun, projek usaha sama itu memerlukan modal tinggi. Ia penting untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing dan bakal rakan kongsi bahawa kita mampu membiayai kos projek yang bakal dilaksanakan.

Pembentukan sistem Pasaran Atas Kaunter (OTC), Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Bhd (Mesdaq) adalah satu langkah yang bertepatan dengan hasrat merealisasikan aspirasi negara dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC). Sistem kewangan yang anjal dan mampu memberi khidmat berkesan kepada pengusaha dan organisasi berteraskan industri teknologi maklumat dan telekomunikasi akan merancakkan lagi usaha yang dilaksanakan.

Malah peningkatan tabungan dalaman negara menerusi pengemblengan simpanan rakyat dapat menampung kos yang diperlukan. Kerajaan sudah melaksanakan program yang merangkumi pelbagai aspek pembangunan ekonomi yang dijalankan bertepatan dengan objektif yang dikehendaki.

Permodalan Nasional Bhd (PNB) menjalankan program serampang dua mata dalam usaha menyahut seruan kerajaan dalam projek MSC. Pertamanya, PNB akan melabur secara terus dalam syarikat berstatus MSC. Kedua, PNB akan menceburi secara langsung dalam pembinaan infrastruktur MSC.

Malah melalui pengalaman dan perhubungan yang baik dengan organisasi multinasional asing, tidak mustahil PNB boleh memberi khidmat yang dikehendaki dalam pembangunan MSC.

PNB mengambil sikap inovatif dalam mempelbagaikan sumber pelaburan serta portfolio yang dimiliki supaya kepentingan pelabur tetap terjamin. Ia adalah falsafah korporat yang dipegang PNB dalam melaksanakan kegiatannya.

Kita boleh memberi sumbangan bermakna terhadap usaha yang dijalankan sejajar dengan aspirasi kerajaan dalam menuju tahun 2020.

(END)